

# Malaysia juara keseluruhan ASC 2016

Berita Harian  
Khamis, 29 Sept 2016

➔ Kontinjen negara menang 24 pingat emas daripada 25 bidang

**Oleh Suhaila Shahrul Anuar**  
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

**M**alaysia dinobatkan juara keseluruhan Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) ke-11 Kuala Lumpur 2016 apabila memenangi 24 pingat emas daripada keseluruhan 25 bidang kemahiran dipertandingkan.

Pencapaian itu sekali gus mengatasi 15 pingat emas yang ditawarkan kepada kontinjen negara dalam

pertandingan berkenaan yang disertai 10 negara ASEAN.

Selain itu, Malaysia turut memenangi empat pingat perak, lima gangsa dan enam pingat kecemerlangan (Medallion for Excellence).

Hadiah disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada Majlis Penutup ASC Ke-11 Kuala Lumpur 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, malam tadi.

Ahmad Zahid ketika berucap pada majlis itu berkata, beliau ber-



**Ahmad Zahid menyampaikan hadiah** pemenang Best Of Nation kepada Mohamad Farhan Zaki pada majlis Penutupan Pertandingan Kemahiran ASEAN di PICC Putrajaya, semalam.

bangga dengan kejayaan Malaysia kerana ia membuktikan mereka adalah yang terbaik di ASEAN dan tidak mustahil pada peringkat dunia.

### Dapat pengiktirafan dunia

Katanya, kemenangan itu juga menunjukkan bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) bukan lagi pilihan terakhir tetapi ia semakin mendapat pengiktirafan masyarakat dunia kerana kepentingannya terhadap pembangunan ekonomi negara.

Ahmad Zahid berkata, TVET

membantu individu membangunkan kemahiran diperlukan untuk pekerjaan, pemilihan kerjaya sesuai dan keusahawanan.

“Program TVET di Malaysia bukan saja melahirkan golongan belia untuk pasaran buruh tetapi juga modal insan untuk pembangunan negara.

“Pemeriksaan bidang TVET mampu memenuhi pelbagai tuntutan ekonomi, sosial dan alam sekitar, sekali gus menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang adil, inklusif serta mampan.

“Selama ini, TVET dianggap pi-

lahan terakhir dalam pendidikan dan kerjaya disebabkan persepsi orang ramai kononnya kursus itu hanya bagi mereka yang tidak cemerlang dalam akademik, namun persepsi itu semakin terhakis kerana banyak kerajaan di dunia mengiktiraf kepentingan TVET,” katanya.

Beliau berkata, tenaga kerja yang mahir akan membawa kepada pasaran buruh yang cekap dan berkesan, sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur melalui Malaysia sebagai destinasi me-reka.